

1974

KUALA LUMPUR, 3 DIS. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MEMINTA PENUNTUT-PENUNTUT UNIVERSITI YANG MENUNJUK PERASAAN HARI INI SUPAYA MEMBERINYA NAMA-NAMA KELUARGA YANG KONONNYA TELAH MATI KEBULURAN DI BALING, KEDAH.

BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA-PEMBERITA HARI INI, DIJALAU TUDUHAN-TUDUHAN MEREKA ITU BENAR KERAJAAN AKAN DENGAN SERTA MERTA MENGAMBIL TINDAKAN YANG WAJAR AGAR PERKARA SEUMPAMA ITU TIDAK AKAN BERLAKU LAGI.

MENTERI PELAJARAN ITU MENAMBAH, SETAKAT INI BELIAU BELUM LAGI MENERIMA SEBARANG LAPURAN DARI MANA-MANA PEHAK MENGATAKAN BAHAWA TERDAPAT BEBERAPA KELUARGA DI BALING YANG TELAH MATI KEBULURAN.

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH BERJUMPA DENGAN PENUNTUT YANG MENDAKWA TENTANG PERKARA ITU BEBERAPA HARI YANG LALU DAN PENUNTUT TERSEBUT TELAH BERDIAM SAHAJA BILA BELIAU MENAYAKAN TENTANG NAMA-NAMA KELUARGA YANG KONONNYA KEBULURAN.

BELIAU SEKALI LAGI MEMBERI AMARAN KEPADA PENUNTUT-PENUNTUT BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG WAJAR TERHADAP SESIAPA YANG MELJNGGAR UNDANG-UNDANG.

MENYENTUH TENTANG PENUNTUT YANG TELAH BERLINDUNG DI MASJID NEGARA, DR. MAHATHIR BERKATA, SESEBUAH MASJID MERUPAKAN TEMPAT BERIBADAT DAN MEREKA YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG TIDAK HARUS BERSELINDUNG DI DALAMNYA. -- BERNAMA